

**PERLAKSANAAN KONSEP BANDAR i – CITY, SHAH ALAM DALAM
KONTEKS PERANCANGAN FIZIKAL**

Oleh

**NUR IRDILLA BT IDRIS
NURUL SYAFIKAH BT MOHD NASIR**

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERAK)
SERI ISKANDAR**

APRIL 2011

ABSTRAK

Kajian perancangan kemudahan fizikal di i - City ini dijalankan bagi menambahbaikkan dan memberi cadangan dalam memenuhi kehendak pengunjung. Kedudukan i - City yang terletak di Lot 4598, Seksyen 7, Shah Alam dan dibangunkan oleh i - City Properties Sdn.Bhd. oleh sebab faktor lokasi dan daya tarikan yang menarik tempat yang sememangnya menjadi kawasan perniagaan pada siang hari dijadikan pusat tumpuan orang ramai pada sebelah malam. Dengan kedudukan yang strategik yang berada di kawasan Lembah Klang dan berdekatan dengan tol Sungai Rasau kawasan tersebut mampu menggantit pengunjung untuk berkunjung di kawasan tersebut. Selain itu juga, daya tarikan utama bagi kawasan i - City ini adalah limpahan cahaya lampu diod pemancar cahaya LED yang beraneka jenis dan dipenuhi dengan warna – warni pelbagai bentuk. Oleh sebab kawasan ini telah menjadi kawasan tarikan utama di Shah Alam, kajian perancangan kemudahan fizikal di kawasan ini dijalankan. Pembangunan di kawasan i - City masih lagi diperingkat fasa kedua, namun kawasan – kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai ini perlu dilakukan penambahbaikkan dalam memberi keselesaan kepada pengunjung. Kajian ini dijalankan mengikut beberapa elemen perancangan fizikal seperti kemudahan perniagaan, kemudahan berekreasi, kemudahan aktiviti, dan landskap. Selain itu, dalam kajian ini juga mencadangkan cadangan dalam mempromosikan kawasan i - City ini bagi menarik minat pengunjung.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah terlebih dahulu kami ingin memanjatkan kesyukuran kehadrat llahi dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kami menyiapkan kajian akhir ini dengan jayanya tanpa sebarang kekangan. Alhamdulillah dengan melengkapkan kajian akhir ini, maka ianya merupakan salah satu syarat untuk menamatkan pengajian telah kami lunaskan.

Jutaan terima kasih yang tidak ternilai kami ucapkan kepada En. Aszhar bin Abd. Rahman selaku penyelia kajian akhir kami dan pensyarah Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah, Universiti Teknologi Mara, Perak yang tidak jemu – jemu memberikan idea – idea yang bernalas dan pandangan kepada kami yang dapat membantu kami menyiapkan kajian akhir kami ini.

Penghargaan ini juga ditujukan khas buat kakitangan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor, Majlis Bandaraya Shah Alam, i – Berhad Properties Sdn. Bhd dan pengunjung i - City yang telah banyak membantu dari segi kelengkapan maklumat dan pandangan yang diperlukan.

Di kesempatan ini juga kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga kami yang banyak menyokong dan membantu dari segi kewangan untuk melengkapkan keperluan kami dalam menyiapkan kajian akhir ini. Sokongan, dorongan, semangat, doa dan restu yang diberikan oleh mereka amat kami hargai dan sanjungi. Di kesempatan ini juga, tidak dilupakan kepada rakan seperjuangan dan kepada sesiapa yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam melengkapkan kajian akhir ini.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Lampiran	xii
Senarai Singkatan Kata	xiii

KANDUNGAN	MUKA SURAT
------------------	-------------------

BAB 1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kenyataan Masalah	3
1.3 Matlamat Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Skop Kajian	5
1.6 Methodologi Kajian	
1.6.1 Pembentukan Matlamat Dan Objektif	6
1.6.2 Kajian Teoritikal	6
1.6.3 Pengumpulan Data Dan Maklumat	7
1.6.4 Analisis Dan Penemuan	7
1.6.5 Cadangan	8
BAB 2.0 KAJIAN TEORITIKAL	10
2.1 Pendahuluan	10
2.2 Istilah Yang Berkaitan	10
2.2.1 Definisi Perancangan	10
2.2.2 Definisi Bandar	11
2.2.3 Definisi Fizikal	11
2.2.4 Definisi Kemudahan	12
2.3 Elemen Perancangan Kemudahan	12
2.3.1 Kemudahan Lanskap	12
2.3.2 Kemudahan Tempat Letak Kereta	13
2.3.3 Kemudahan Pejalan Kaki	14
2.3.4 Kemudahan Sokongan	14
2.4 Perancangan Lanskap	18
2.4.1 Lanskap Kejur	19
2.4.2 Lanskap Lembut	19

BAB 1.0

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bandar i - City di Shah Alam bukanlah antara tujuh keajaiban dunia tetapi ia bakal menjadi ikon baru terhadap pelancongan Negara. Bandar i - City ini dibina di atas tapak seluas 29.14 hektar yang merangkumi aspek – aspek utama iaitu pendidikan, hiburan dan ICT dalam satu. Pembangunan i - City telah diwujudkan sebagai sebuah bandar baru yang boleh menjadi contoh ke atas pembangunan setempat. Bandar i - City adalah sebuah kawasan perniagaan pada dasarnya dan menjadi kawasan rekreasi dan pusat tumpuan orang ramai di Shah Alam pada waktu malam. Kawasan tersebut telah dibangunkan sehingga fasa kedua dan sudah memberi impak yang positif terhadap pelancongan Negara.

Tambahan pula, perletakan lokasi i - City yang terletak di kawasan Lembah Klang telah menyebabkan kawasan tersebut menjadi tumpuan orang ramai. Ianya juga merupakan kawasan tumpuan orang ramai pada setiap hari tidak kira musim kerana kawasan merupakan suatu tempat pembangunan baru yang boleh dikunjungi bersama rakan – rakan mahupun keluarga. Penyediaan tempat seperti i - City wajar di lakukan bagi memastikan kualiti kehidupan manusia terjamin.